

**Kata Kunci:**  
**Akal**  
**Sejahtera**  
**Mudarat**  
**Daya tumpu**



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**15 Mei 2026 / 27 Zulkaedah 1447H**

**Akal Sejahtera, Kehidupan Bermakna**

أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا هَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Zumratal mukminin rahimakumullah,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan insan yang memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

**Hadirin yang dikasihi Allah,**

Antara nikmat terbesar yang Allah s.w.t. kurniakan kepada insan adalah **akal** kita. Dengan **akal**, kita mampu berfikir, membuat pertimbangan dan membezakan antara yang benar dan yang salah. Bukankah **akal** juga yang membezakan manusia daripada makhluk-makhluk Allah yang lain?

Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Anfal, ayat 22:

إِنَّ شَرَّ الدَّوَابِّ عِنْدَ اللَّهِ الصُّمُّ الْبُكْمُ الَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٢٢﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya, seburuk-buruk makhluk di sisi Allah adalah mereka yang tidak mendengar dan menuturkan (kebenaran), dan yang tidak menggunakan akal (untuk memahami kebenaran).*”

Para ulama turut menegaskan kedudukan **akal** yang begitu penting dalam kehidupan manusia. Dalam kitab *Maqasid al-Syariah al-Islamiah*, Al-Imam Ibn ‘Ashur menyebutkan kata-kata para hukama:

الْإِنْسَانُ عَقْلٌ تَخْدُمُهُ الْأَعْضَاءُ

Yang bermaksud: “*Manusia itu adalah akalnya, manakala anggota badan yang lain hanya berkhidmat kepada akalnya.*”

Ini bermakna **akal** merupakan pusat pertimbangan utama dalam kehidupan manusia, manakala anggota badan yang lain hanya bertindak berdasarkan apa yang diputuskan oleh **akalnya**.

**Kesejahteraan** hidup seseorang berkait rapat dengan **kesejahteraan akalnya**. Apabila **akal** dipelihara dengan baik, maka kehidupan juga akan menjadi lebih terpandu dan bermakna.

Atas sebab itu, Islam amat menitikberatkan kesihatan **akal** serta kemampuan berfikir dan menilai sesuatu menurut neraca agama. Syariat Islam bukan sekadar mengatur hubungan manusia dengan Allah, bahkan membimbing manusia untuk membina kehidupan yang **sejahtera** melalui pemikiran **akal** yang sihat dan pertimbangan yang baik dalam menjalani kehidupan.

**Saudaraku,**

Hari ini, cabaran menjaga **kesejahteraan akal** hadir dalam pelbagai bentuk. Contohnya, isu penyalahgunaan dadah, vaping dan minuman keras membawa kesan buruk yang amat jelas. Ia merosakkan pertimbangan **akal** serta boleh menghancurkan masa depan individu, keluarga serta masyarakat di sekeliling.

Terdapat juga kesan buruk yang menyelina secara halus dalam kehidupan seharian sehingga ia dianggap perkara biasa. Ini boleh kita lihat dalam penggunaan telefon pintar secara berlebihan tanpa saringan iman. Ini boleh membuat seseorang merasa selesa dengan kandungan yang berbaur maksiat, sehingga menjadi kurang sensitif terhadap dosa, sekaligus menganggapnya suatu norma kehidupan. Jika gagal dikawal penggunaannya, ia juga boleh menggugat **kesejahteraan akal**, dengan menjejaskan **daya tumpuan**, emosi dan keseimbangan hidup seseorang.

Apa yang asalnya dianggap sebagai wadah hiburan bagi mengalih perhatian untuk seketika, boleh berubah menjadi sumber ketagihan. Jika tidak dikawal, ia berpotensi mengganggu **daya tumpuan**, hubungan sesama keluarga serta tanggungjawab harian kepada Tuhan atau sesama manusia.

### **Saudara yang dirahmati Allah,**

Islam amat menitikberatkan pemeliharaan **akal**. Ia dengan tegas melarang segala perkara yang merosakkan kewarasan, pertimbangan dan **kesejahteraan** manusia.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud: *“Tidak boleh melakukan **kemudaratan** dan tidak boleh membalas **kemudaratan**.”* (Riwayat Ad-Daraqutni)

Ini menunjukkan Islam menolak segala perkara yang membawa kerosakan kepada diri dan masyarakat, termasuk perkara yang merosakkan **akal** dan daya fikiran manusia.

Bagi tujuan memelihara **akal**, selaras dengan objektif atau *maqasid* syariah, ada beberapa langkah utama yang perlu diambil:

### **Pertama: Menjauhi bahan dan tabiat yang boleh merosakkan akal**

Saudara, apabila syariat Islam mengharamkan minuman keras, hukumnya juga merangkumi setiap perkara yang boleh

memabukkan, iaitu yang menghilangkan pertimbangan justeru **memudaratkan akal** manusia.

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: “*Setiap yang memabukkan (yakni yang menyebabkan kehilangan pertimbangan **akal**) itu adalah haram.*” (Riwayat Muslim)

Oleh itu, larangan ini tidak terbatas kepada arak sahaja, tetapi meliputi segala perkara yang menjejaskan fungsi **akal** untuk berfikir dengan jelas dan membuat pertimbangan yang baik. Ini merangkumi tabiat dan ketagihan yang boleh melemahkan **kesejahteraan akal**, seperti dadah, atau yang menggugat **daya tumpuan** dan pemikiran dalam kehidupan seharian, seperti penggunaan telefon pintar secara tidak terkawal.

## **Kedua: Membina akal dengan ilmu, nilai dan amalan yang sihat**

**Akal** yang sihat bukan sekadar perlu dipelihara daripada kerosakan, tetapi ia juga perlu diperkukuh dengan ilmu dan pemikiran yang baik. Dalam kehidupan hari ini, kita semua mengalami ledakan maklumat (*information overload*) dari segenap penjuru. Kita memerlukan keupayaan untuk menilai maklumat dengan bijak dan mengenalpasti sumber ilmu yang sahih.

Oleh itu, untuk menjaga **kesejahteraan akal**, marilah kita membudayakan amalan yang sihat seperti membaca, menuntut dan mengkaji ilmu serta melatih **daya tumpuan** melalui aktiviti

yang bermanfaat. Gunakan teknologi dengan bijak agar ia menjadi alat yang membina kehidupan, bukan yang melemahkan daya pemikiran dan ketenangan jiwa.

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya, pemeliharaan **akal** bukan sekadar menjauhi **kemudharatan**, tetapi juga membina kehidupan yang dipenuhi ilmu, hikmah dan ketenangan. **Akal** yang **sejahtera** akan melahirkan insan yang mampu membuat keputusan dengan baik, menyumbang kepada masyarakat dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. dengan lebih berkesan.

Semoga kita dikurniakan taufik untuk memelihara nikmat **akal** yang telah Allah amanahkan kepada kita, demi membina kehidupan yang lebih bermakna untuk diri, keluarga dan masyarakat keseluruhannya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَى عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارِضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنَّا مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا رَحِيمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْخُرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ يَا رَحِيمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْرَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، وَاطْتُبِ السَّلَامَ وَالسَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ، وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.